

# Pendekatan Wasatiyah (sederhana) dalam Hubungan Sosial Masyarakat Majemuk di Malaysia

**Mohd Anuar Ramli\*, Paizah Hj. Ismail\*\* & Ahmad Badri Abdullah\*\*\***

\*Pensyarah (Ph.D), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur-Malaysia, email : mohdanuar@um.edu.my.

\*\*Pakar rujuk (Ph.D), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur-Malaysia.

\*\*\*Pembantu penyelidik, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur-Malaysia.

## Abstrak

Kajian ini memfokuskan terhadap pendekatan *wasatiyyah* (sederhana) dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam dalam konteks masyarakat majemuk di Malaysia. Pendekatan ini penting dalam mengimbangi antara dua kumpulan ekstrem dalam masyarakat Islam, yaitu antara pendekatan golongan *literalis* yang sempit dengan pendekatan golongan liberalis yang longgar. Pendekatan *literalis* cenderung membentuk hubungan konflik dengan orang bukan Islam, manakala pendekatan golongan liberalis cenderung kepada pluralisme agama yang dilarang. Untuk menggarap pendekatan *wasatiyyah*, pengkaji menganalisis data-data kualitatif yang bersumberkan petunjuk Alquran dan pedoman Sunah Nabi Saw. Hasil kajian mendapati wujudnya asas hubungan sosial yang sederhana sesuai dengan konteks masyarakat majemuk di Malaysia, yaitu saling kenal mengenali antara satu sama lain bagi mengelak pencabulan sensitiviti agama, saling berdialog untuk meningkatkan persepadaman antara agama, saling bertoleransi untuk mencetuskan suasana kehidupan yang harmoni, berlaku adil bagi menghindari kezaliman terhadap agama lain, tiada paksaan dan pemaksaan untuk mengikut ajaran Islam atau kebebasan beragama serta membina identiti yang eksklusif sebagai benteng untuk menghindari penyerupaan yang dilarang oleh Syarak. Melalui pendekatan yang bersifat sederhana ini, hubungan sosial dapat berlangsung selari dengan tuntutan syariat.

## Kata kunci:

*interaksi sosial; hubungan sosial; masyarakat majmuk; literalis; liberalis; wasatiyyah (sederhana); tasyabbuh (penyerupaan); tamayyuz (perbezaan).*

## Abstract

This study focuses on the moderate approach (*wasatiyyah*) in the interaction with the non-muslim communities, particularly in the context of a plural society in Malaysia.. This approach is imperative in poising the two extreme groups in Muslim society, which are the literalist with their narrow approaches and the liberalist with the loose approaches. Literalist approach tends to regulate a relationship of conflict with non-Muslims, while the liberalist approach tends to assimilate the religious pluralism which is prohibited. In order to bring about this moderate approach, some qualitative data derived from the Qur'anic texts and Prophetic traditions were being analysed by the researcher. Result from the research shows

that there are modest basic social relations that suit the context of plural society in Malaysia. Among these basis are the mutually understanding of another (al-ta'aruf) in order to avoid violations of religious sensitivity, mutual dialogue (tahawur) to enhance mutual understanding between religions, to be tolerant (tasamuh) to trigger a harmonious atmosphere, fairness (al-'adl) to avoid the tyranny to other religions, no compulsion and coercion ('adam al-ikrah) to follow the teachings of Islam or freedom of religion and finally the establishment of an exclusive identity as a fortress in order to avoid the act of imitation (tasyabbuh) which is prohibited by Shariah. Through this moderate approach, social relations can take place in parallel with the religious obligations in Islam.

#### **Keywords :**

*social interaction; social relation; plural society; literalist; pluralist; moderate (wasatiyyah); imitation (tasyabbuh); differentiation (tamayyuz).*

## **A. PENDAHULUAN**

### **Pengenalan**

Islam merupakan syariat yang komprehensif. Ia bukan saja mengatur hubungan antara pencipta dengan makhluk, bahkan hubungan sesama makhluk turut dititikberatkan. Hubungan sesama makhluk ini termasuklah hubungan antara orang Islam dengan bukan Islam.

Dalam menghadapi era kemajuan masakini, hubungan sosial antara orang Islam dengan bukan Islam menjadi semakin kompleks. Hubungannya bersifat pasang surut. Berbagai isu serta salah paham timbul. Senario ini menyebabkan tercetusnya perselisihan paham serta konflik dan menguji tahap hubungan sosial antara orang Islam dengan bukan Islam. Dalam konteks Malaysia, konflik antara agama adalah selari dengan konflik antara etnik dan kaum. Ini karena penentuan agama secara definitif berkait rapat dengan jenis etnik dan kaum.

Secara umum, dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam, terdapat beberapa pendekatan utama. Ada yang terlalu keras hingga menafikan sebarang hubungan baik dengan orang bukan Islam

yang mana mereka dianggap sebagai kafirharbi(boleh diperangi) dan ada yang terlalu lembut membina hubungan yang rapat dengan mereka. Diantara dua pendekatan yang ekstrem ini, pendekatan *wasatiyyah* (sederhana) merupakan *manhaj* yang sederhana dalam berhubungan dengan orang bukan Islam. Pendekatan ini menolak sikap ekstrem keras yang senantiasa berkonflik dengan orang bukan Islam dan sikap terlampau lembut yang cenderung cenderung mengamalkan pluralisme agama (semua agama adalah benar dan tidak berbeda antara penganut agama satu sama lain).

Dari perspektif golongan pertama, orang bukan Islam dianggap sebagai musuh, tidak boleh berbuat baik dengan mereka, malah boleh mendorong kepada berlakunya konflik dan kekerasan. Manakala dari perspektif golongan kedua pula, orang bukan Islam dianggap sebagai teman yang baik dan golongan kedua berusaha untuk menyerupai (*al-tasyabuh*) amalan dan budaya mereka bagi melenyapkan identiti keislaman serta menjadi bagian dari mereka. Sedangkan melalui perspektif *wasatiyyah*, orang Islam

tidak menganggap orang bukan Islam sebagai musuh, malah tidak teman rapat, tetapi ada batasan yang membedakan mereka (*al-tamayyuz*) dengan orang bukan Islam. *Identity* istimewa ini berlandaskan batasan syariat yang digariskan oleh Islam. Kecenderungan melampaui ke kiri akan melahirkan kekerasan dan kecenderungan ekstrem ke kanan akan menghilangkan *identity Muslim*. Kesederhanaan merupakan pendekatan terbaik dan asas dalam hubungan sosial antara orang Islam dengan bukan Islam.

Artikel ini akan membincangkan pendekatan asas dalam hubungan sosial antara orang Islam dan bukan Islam dalam konteks Malaysia yang majemuk. Ia digarap bersumberkan petunjuk Alqur'an dan panduan Hadis Nabi Saw. Diharapkan dapat dijadikan panduan untuk diamalkan oleh masyarakat Islam dalam hubungan sosial dengan pengikut agama lain dalam konteks Malaysia.

## B. PEMBAHASAN

### Realiti Masyarakat Majemuk dan Status Keagamaan Orang Bukan Islam di Malaysia

Masyarakat majemuk merupakan karekter khas masyarakat Malaysia. Kepelbagaiannya ini selari dengan perbedaan bangsa, bahasa, budaya maupun agama. Setiap kaum mempunyai kepercayaan dan pegangan agama tersendiri. Menurut J.S. Furnivall (1967), masyarakat majemuk kepada ide bahwa dalam masyarakat majemuk terdapat beberapa masyarakat

yang tinggal sebelah menyebelah didalam satu unit politik yang sama tetapi dalam beberapa hal, hidup mereka terpisah.<sup>164</sup> Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan agama, budaya, bahasa, idea dan cara hidup yang tersendiri.<sup>165</sup> Pembagian masyarakat atau kaum ini berlanjutan dalam sektor ekonomi, yang mana terdapat pembagian jenis pekerjaan berasaskan bangsa.<sup>166</sup> Pendek kata, masyarakat majemuk yang berkembang di Malaysia boleh dilihat dalam empat dimensi yaitu politik, ekonomi, sosial dan budaya.<sup>167</sup> Hasilnya, berlaku pengkhususan (*specialisation*) pekerjaan, pengasingan (*segregation*) tempat tinggal, pemisahan proses sosialisasi dan *mobility*, dan pemencilan (*isolation*) budaya.<sup>168</sup>

Dahulu orang Melayu bekerja dalam sektor pertanian di sawah, orang Cina di lombong dan perniagaan, dan orang India sebagai buruh di estet dan ladang getah. Namun kini orang Melayu banyak terlibat dalam sektor awam (kerajaan), orang Cina dalam

<sup>164</sup> Dikemukakan oleh J.S. Furnivall, seorang ahli ekonomi kolonial

<sup>165</sup> Paul Tenant, "Pluralism In West Malaysia Politics", dalam *Contribution to Asian Studies, Myth and Reality: a Symposium on Singapore and Malaysia*, Judith A. Nagata (edit), (Leiden : E.J. Brill, v. iii, 1978), 80.

<sup>166</sup> John Sydenham Furnivall, *Netherlands India: A Study of Plural Economy*, (Cambridge: Cambridge University Press, 1967), 446.

<sup>167</sup> Maurice Freedman, "The Growth of a Plural Society in Malaya" dalam *Pacific Affairs*, (Canada, vol. 33, 1960), 159.

<sup>168</sup> Alvin Rabushka, *Race and Politics in Urban Malaya*, (California: Hoover Institution Press, 1973), 19-27.

perniagaan dan orang India dalam perubatan, guaman, selain di ladang. Manakala dari segi pengasingan tempat tinggal, dahulu orang Melayu tinggal di kampung dan pedalaman, orang Cina di kawasan lombong dan bandar, dan orang India di estet dan ladang getah.<sup>169</sup> Tetapi kini kawasan penempatan lebih terdedah kepada interaksi pelbagai kaum. Orang Melayu, Cina dan India bersama-sama tinggal di kawasan bandar dan pinggir bandar. Selain itu, dari aspek pemisahan sosialisasi dan *mobility*, proses interaksi kini lebih baik berbanding dahulu. Dengan pertemuan dalam dunia pekerjaan, dan perkongsian kawasan tempat tinggal, generasi kini telah berinteraksi dengan lebih berkesan dan mengenali antara satu sama lain.<sup>170</sup> Begitu juga dalam aspek pemencilan budaya, dahulu tiap kaum hanya mengenali dan memahami budaya masing-masing dalam batasan geografi dan budaya yang *terhad*, namun kini proses sosialisasi dalam masyarakat majemuk telah mendedahkan mereka dengan budaya dan pantang larang antara satu kaum sama lain.<sup>171</sup>

Dalam konteks masyarakat Malaysia semasa, agama mempunyai hubungan rapat dengan pengenalan etnik.<sup>172</sup> Etnik Melayu merupakan golongan penganut Islam, etnik Cina kebanyakannya Buddha dan agama tradisional China lain. Etnik India secara asasnya penganut Hindu.<sup>173</sup> Kristian merupakan agama multi-etnik yang semakin berkembang di mana kaum Cina dan India adalah golongan *majority* Kristian Malaysia. Golongan bukan Islam di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori, yaitu, bukan Islam bumiputra yang terdiri daripada orang Asli, Sabah serta Sarawak dan kedua, bukan Islam yang bukan bumiputra yang dibawa masuk oleh penjajah kalangan orang Cina dan India.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, Islam merupakan agama yang berkembang pesat dengan jumlah 61.3%, diikuti Buddha (19.8%), Kristian (9.2%), Hindu (6.3%), Konfucianisme, Tao dan agama tradisi Cina (1.3%), lain-lain agama (0.4%), tiada agama (0.7%) dan tidak diketahui status agama (1%).<sup>174</sup>

<sup>169</sup> Charles Hiscman, *Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia*, (USA: American Sociology Association, 1975), 37-40.

<sup>170</sup> Lee Hock Gan, "Ethnic Relation In Peninsular Malaysia: The Cultural and Economic Dimension", dalam *Social and Cultural Issues*, (Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, no.1, 2000), 11.

<sup>171</sup> Lihat Shamsul Amri Baharuddin, *Hubungan Etnik di Malaysia: Mencari dan Mengelakkan Kejernihan Dalam Kekeruhan*, (Siri Kertas Kajian Etnik, Institut Kajian Etnik(KITA),2008), 9 -12

<sup>172</sup> Hussin Mutalib, *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, (Singapura: Singapore University Press, 1993), 107.

<sup>173</sup> Ahmad F. Yousif, *Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry into the Malaysian Experience*, (Batu Caves: Thinker's Library, 1998), 56-57.

<sup>174</sup> [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1215](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215) %3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated-2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-

Jelasnya, terdapat dua kumpulan agama utama dalam konteks Malaysia, yaitu agama Samawi dan agama budaya. Agama Samawi merujuk kepada agama yang berdasarkan wahyu Ilahi pada asalnya seperti agama Islam dan terdapat penyelewengan selepas tempoh waktu tertentu seperti agama Kristian dan Yahudi. Manakala agama budaya adalah agama yang lahir daripada budaya masyarakat.<sup>175</sup>

Selari dengan itu, setiap tradisi budaya mempunyai pengertian keagamaan manifestasi daripada akidah tauhid dan setiap amalan adalah berhubung kait dengan ibadah. Situasi ini berbeda dengan agama Samawi yang mengalami proses penyelewengan seperti agama Kristian di Malaysia, kerana ia telah diresapi dengan doktrin sekularisme dan tidak lagi berasaskan konsep tauhid, bahkan *trinity*.<sup>176</sup> Sedangkan agama budaya adalah ciptaan manusia berasaskan keterbatasan akal hasil dari interaksi dengan alam sekeliling dan ia bercorak tempatan. Kedua-duanya berikutan agama adalah hasil dari budaya. Justru, agama adalah budaya dan perayaan yang lahir dari kepercayaan tersebut adalah sebagian dari agama budaya masyarakat.<sup>177</sup>

---

characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=bn/, diakses pada tanggal 16 Juli 2013.

<sup>175</sup> B.K. Karkra, *The Origin of Religions: An Opened Eyed Journey Through a Mystic World*, (Bloomington: Author house, 2012), 48, 56, 77 & 93.

<sup>176</sup> Jon Hover, “Islamic Monotheism and the Trinity”, dalam *The Conrad Grebel Review*, (Waterloo: Conrad Grebel College University, 2009), 7-9.

<sup>177</sup> Mohd Anuar Ramli, *Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan Malaysia*, (Disertasi

Kepelbagaiannya ini memerlukan penelitian mendalam apatah berlakunya pergeseran daripada masyarakat yang berteraskan akidah dan berubah kepada masyarakat yang berasaskan sempadan geografi (*nation-state*). Ini karena pada zaman kegemilangan umat Islam, terdapat dikotomi antara masyarakat Islam dan bukan Islam. Status masyarakat bukan Islam juga jelas, yaitu antara *dhimmi* (damai) dan *harbi*(konflik). Selain dua golongan tersebut, ulama klasik juga membagikan orang bukan Islam kepada *ahl al-'ahd* dan *ahl al-musta'min*.<sup>178</sup>

Bagaimana pun klasifikasi tersebut tidak lagi relevan dalam konteks Malaysia. Orang bukan Islam di Malaysia tidak dapat diklasifikasikan kepada *harbi*, yaitu yang memerangi orang Islam, atau *dhimmi*, yaitu orang bukan Islam yang patuh dan setia terhadap peraturan dalam negara Islam.<sup>179</sup> Mereka mendapat perlindungan orang Islam sera membayar *jizyah*. Begitu juga *'ahdi*, yaitu yang membuat perjanjian damai dan *musta'min*, yaitu mereka golongan *harbi* yang diberi keamanan dalam negara Islam.<sup>180</sup>

Walaupun begitu, pengkaji berpandangan bahawa pembagian kerangka klasik tersebut tidak relevan dengan situasi masa kini kerana beberapa perkara berikut :

---

M.Sh., Jabatan Fiqh& Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), 175.

<sup>178</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Ahkam Ahl al-Dhimmah*, Abi Bara' Yusuf & Abi Ahmad Syakir, (Riyadh: Ramadi li al-Nasyr, j.2, 1991), 873.

<sup>179</sup> Rusjdi Ali Muhammad, *Hak Asasi Manusia Dalam Perspektif Syariat Islam*, (Banda Aceh: ar-Raniry Press, 2004), 69.

<sup>180</sup> Fahmi Huwaidi, *al-Muwatinun la Dhimiyyun: Mawqi' Ghayr al-Muslimin fi Mujtama' Muslimin* (Kaherah: Dar al-Syuruq, 1410H/1990M), 110.

- (i) Negara Islam merupakan bagian integral dari *ummah* Islam.<sup>181</sup> Penjajah Eropa telah menghapuskan konsep geopolitik ini.<sup>182</sup> Justru, ketiadaan satu sistem politik yang menaungi negara-negara Islam dibawah sistem khalifah atau pemerintahan pusat. Masyarakat Islam dan bukan Islam (*dhimmi* dan *musta'min*) adalah hasil dari bentukan sistem tersebut dan mempunyai hubung kait dengan konsep *ummah*.
- (ii) Begitu juga dengan konseptual *Dar al-Harb* dan *Dar al-Islam*. Ia merupakan klasifikasi yang dibuat oleh sarjana Islam klasik kesan pemahaman konsep jihad, bukannya bersumber secara langsung daripada Alquran.<sup>183</sup>
- (iii) Negara modern masa kini disempadani dengan konsep *nation-state* yang bertentangan dengan konsep *ummah* tanpa mengenal batasan politik atau daerah.<sup>184</sup> Penjajahan telah memecahkan kesatuan *ummah* Islam

<sup>181</sup> Yusuf al-Qardawi, *Al-Ummah al-Islamiyyah: Haqiqah La Wahm*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 28.

<sup>182</sup> Azyumardi Azra, *Renaisans Islam Asia Tenggara*, (Bandung : PT Remaja Rosdakarya, 1999), 92.

<sup>183</sup> Menurut Wahbah al-Zuhayli, negara Islam adalah setiap negara yang dikuasai pemerintah Islam, melaksanaan undang-undangnya (hukum-hukum) dan mendirikan syiarnya, manakala negara *harbi* merupakan negara yang tidak melaksanakan undang-undang Islam dan politik, karena ia diluar kekuasaan pemerintahan Islam. Lihat Wahbah al-Zuhayli, *Athar al-Harb Fi al-Fiqh al-Islami*, (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), 169-170.

<sup>184</sup> Bahtiar Effendy, *Islam dan Demokrasi: Mencari Sintesa yang Memungkinkan*, dalam M. Nasir Tamara & Elza Taher, *Agama dan Dialog Antar Peradaban*, (Jakarta: Paramadina, 1996), 95.

dengan gagasan negara-bangsa. Sistem negara-bangsa menekankan kesetiaan nasionalisme berbanding persaudaraan Islam, egalitarianisme kedaulatan rakyat berbanding kedaulatan Tuhan, hak-hak wanita dan penglibatan politik kadang-kadang tidak sesuai dengan doktrin syariah. Malah selepas kemerdekaan, negara jajahan terpaksa berkongsi kuasa (*sharing power*) dengan masyarakat majemuk hasil dari polisi dan kerakusan ekonomi kapitalis penjajah. Konsep ini menyebabkan setiap orang sama disisi undang-undang.<sup>185</sup> Walaupun ironinya golongan *majority* boleh menguasai *minority*, berbeda dengan Islam yang mempunyai pendekatan khusus terhadap orang bukan Islam.

Jelas bahawa untuk mengategorikan golongan bukan Islam sebagai *dhimmi* atau harbi adalah persoalan yang rumit kerana *reality* masa kini berbeda dengan *realiti* yang diuraikan oleh ulama klasik.<sup>186</sup> Ini karena hubungan antara golongan Islam dan bukan Islam dalam konteks Malaysia adalah berdasarkan kontrak sosial. Selain itu, dalam pembagian tersebut juga berbeda dengan struktur hubungan sosial di peringkat tempatan atau antarabangsa. Hubungan ini berdasarkan hak-hak asasi dalam ketetapan undang-undang antarabangsa di bawah Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.<sup>187</sup>

<sup>185</sup> Ahmad F. Yousif, (*Op.cit*, 1998), 44.

<sup>186</sup> Abd al-Karim Zaydan, *Ahkam al-Dhimiyyun wa al-Musta'man fi Dar al-Islam*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1982), 22.

<sup>187</sup> Dokumen 8, Deklarasi Universal Hak-hak Asasi Manusia sebanyak 30 artikel. Lihat Digumarti Bhaskara Rao (ed.), *Human Rights and The United Nations*, (New Delhi: Discovery Publishing House, 2001), 152-157.

Selaras dengan perubahan sosial kini menyebabkan dikotomi tersebut tidak lagi kukuh, malah orang bukan Islam lebih menguasai percaturan negara. Tiada lagi dominasi umat Islam ke atas golongan bukan Islam. Sindrom yang sama turut menghinggapi negara umat Islam yang pernah dijajah. Khususnya di Malaysia, sebelum kedatangan penjajah Barat, *majority* penduduknya beragama Islam dan mempunyai suara dan kuasa *majority*sama ada dalam kuasa ekonomi maupun politik. Tetapi selepas kemerdekaan dan peletakan perlembagaan baharu negara, hubungan antara kaum telah berubah, yaitu mereka mendapat kewarganegaraan dan menjadi penduduk negara yang sah. Hubungan orang Islam dan bukan Islam adalah berteraskan kontrak sosial dan tiada kelebihan antara masyarakat Islam dengan bukan Islam.<sup>188</sup>

Setiap klasifikasi tersebut memberi implikasi hukum terhadap hubungan sosial antara masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia. Ini karena tiada status hukum yang jelas terhadap tafsiran golongan bukan Islam semasa melainkan pembagian yang dibuat oleh ulama klasik. Namun sebagai pandangan yang sederhana selari dengan *reality* semasa, kedudukan orang bukan Islam walaupun tiada status yang jelas, tetapi ia lebih cenderung kepada kafir *dhimmi* dalam tafsiran semasa. Ini karena hubungan orang Islam dengan mereka adalah berbentuk damai berbanding konflik. Mereka juga tidak dikenakan bayaran jizyah. Menurut Hamka

(1984), persoalan jizyah boleh ditafsirkan sebagai satu simbolik yang berhubung dengan ketataan kepada negara karena jumlahnya tidak ditentukan.<sup>189</sup> Bertitik tolak daripada kedudukan yang berbeda dengan klasifikasi ulama zaman awal dan pertengahan ini, satu asas hubungan sosial yang jelas perlu dibangunkan dalam konteks semasa dan setempat khususnya di Malaysia.

### **Asas Hubungan Sosial: Antara Penyimpangan Kesempitan Golongan Fundamentalis Dan Kelonggaran Golongan Liberalis**

Secara dasarnya, struktur masyarakat Islam hari ini dengan zaman Nabi Saw dan Sahabat ra. berbeda walaupun wujud unsur keragaman. Masyarakat Malaysia masa kini mempunyai struktur yang lebih kompleks dan rumit. Walaupun terdapat perubahan, asas hubungan sosial yang dipraktikkan oleh Rasulullah Saw dan Sahabat ra. tetap unggul, namun pendekatan tersebut memerlukan inovasi yang sewajarnya selaras dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat.<sup>190</sup>

Islam merupakan agama yang mementingkan kesederhanaan, yaitu keseimbangan antara yang melampau ke golongan kanan dan yang melampau ke

---

<sup>188</sup> Lihat Nazri Muslim& Hidayat Buang, *Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia*, dalam *Jurnal Kemanusiaan*, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, bil. 20, 2000),119-122.

<sup>189</sup> Ismail Ibrahim,*Pendekatan Islam ke Arah Penyelesaian Masyarakat Majmuk*, dalam (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Mengenai Perpaduan Nasional anjuran Universiti Utara Malaysia, Jitra, 1987),. 12.

golongan kiri.<sup>191</sup> Sikap pertengahan ini dijelaskan melalui firman Allah Swt, dalam surah al-Baqarah ayat 143:

*“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran karena perbuatan kamu.”*

Ayat Alqur'an tersebut menjelaskan Allah Swt telah menciptakan umat Nabi Saw sebagai umat pertengahan (adil) dalam mengimbangi antara yanghak dan batil, dan antara yang keras dan lembut. Dengan itu, syariat Islam menyeru agar bersikap sederhana dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam, dengan syarat mereka tidak melampaui batas. Ini secara langsung menolak sikap yang membawa pada kekerasan dan konflik dalam hubungan sosial.

Golongan kanan yang melampau dapat dinamakan sebagai kelompok liberalis yang meringan-ringankan dan mempermudah ajaran Islam. Mereka memberikan tafsiran yang longgar terhadap ajaran Islam.<sup>192</sup> Manakala golongan kiri

yang melampau adalah golongan ekstremis, fundamentalis dan *literalis* yang memberikan uraian dan tafsiran yang sempit tentang ajaran Islam.<sup>193</sup> Setiap golongan mempunyai kecenderungan dan pendekatan yang bertentangan antara satu sama lain. Tiapnya mempunyai kesan yang negatif dalam hubungan sosial dengan orang bukan Islam.

Golongan liberalis menguraikan ajaran Islam dengan tafsiran yang longgar hingga mengabaikan tuntutan nas demi tunduk kepada *reality*. Mereka tidak menggolongkan orang bukan Islam kepada harbiatau *dhimmi*, sebaliknya mereka mempunyai hak sama rata dengan orang Islam. Tiada perbedaan antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Semuanya adalah sama. Kesannya, mereka mempromosikan pluralisme agama, yang menyamaratakan semua agama, menggalakkan unsur *tasyabuh* (penyerupaan) antara agama tanpa sebarang pembedaan dan batasan agama, membenarkan perkawinan beda agama antara orang Islam dan bukan Islam, memberikan hak warisan sama rata antara orang Islam dan bukan Islam dan seumpamanya. Senario ini boleh menyebabkan *identity* agama, khususnya Islam lenyap dari penganutnya. Tiada beda antara orang Islam dengan bukan Islam.<sup>194</sup>

Golongan fundamentalis dan *literalis* pula memberikan tafsiran yang sempit dalam berhubungan dengan orang

<sup>191</sup> Yusuf al-Qardhawi, *Dirasah fi Fiqh al- Maqasid al-Syari'ah*, (Kaherah: Dar al-Syuruq, 2006), 213.

<sup>192</sup> Greg Barton, *the Emergence of Neo-Modernism: A Progressive, Liberal Movement of Islamic Thought in Indonesia*, (Tesis Ph.D., Melbourne Australia: Monas University, 1995), 156.

<sup>193</sup> Byung Chang, *Islamic Fundamentalism, Jihad & Terrorism*, dalam *Journal of Internal Development Co-operation*, (Korea: Hankuk University v.11, no.1, 2005) 57-67.

<sup>194</sup> Nurcholish Madjid et al., *FIQIH Lintas Agama: Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*, (Jakarta: Paramadina, 2004), 85.

bukan Islam. Mereka menisbahkan orang bukan Islam sebagai harbi dan boleh diperangi. Pendekatan ini akan memberikan implikasi negatif terhadap hubungan sosial. Misalnya, akan mewujudkan prasangka atau *prejudis* terhadap orang bukan Islam, tiadanya toleransi dalam interaksi sosial, lahirnya stereotip ras yang mana orang bukan Islam dilabel dengan tanggapan yang negatif dan akhirnya boleh menyebabkan tercetusnya konflik.<sup>195</sup>

Sehubungan dengan itu, antara dua kubu yang bertentangan ini, perlu kepada suatu pendekatan yang *wasatiyah*<sup>196</sup> (sederhana) bagi menjamin keharmonisan ajaran Islam terpelihara disamping hubungan kaum kekal aman lagi damai. Diantara asas pendekatan tersebut adalah:

- a. Saling kenal mengenali antara satu sama lain bagi mengelak pencabulan sensitiviti agama

Usaha saling mengenali (*al-ta‘aruf*) perlu dipupuk bagi meningkatkan tahap sensitiviti antara satu sama lain dan dalam masa yang sama, syiar Islam dapat diteguhkan. Kepelbagaiannya yang diciptakan oleh Allah Swt. adalah untuk saling kenal-mengenali. Ini berdasarkan firman Allah Swt. dalam surah al-Hujurat (49): 13:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah

*menjadikan kamu berbagai bangsa dan berpuak, supaya kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).* Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Manusia tidak mempunyai alternatif lain kecuali menerima dan memelihara *reality* dan ketentuan Allah ini dengan mengarahkan kepada kepentingan dan tujuan bersama. Ditinjau dalam sejarah Alam Melayu, konsep muhibah dan taaruf ini telah diamalkan dalam masyarakat Melayu klasik. Melaka sebuah bandaraya kosmopolitan telah didiami oleh berbagai jenis suku kaum.<sup>197</sup> Perpaduan wujud hasil interaksi masyarakat tempatan dengan pedagang asing seperti Arab, Farsi, Cina, Tamil, Cettiar, Keling dan sebagainya. Sikap ini menyebabkan Islam diterima dengan mudah di Alam Melayu.

Pendekatan ini perlu dipupuk antara generasi ke generasi berbilang agama dan kaum bagi mewujudkan kestabilan kaum dan agama dalam masyarakat Malaysia. Dengan asas ini, orang bukan Islam akan lebih berhati-hati bagi mendepani isu sensitif dalam interaksi

<sup>195</sup> E.B. Lumbard, *Islam, Fundamentalism, and The Betrayal of Tradition (Revised & Expanded)*, (USA: World Wisdom Inc.), 45-46.

<sup>196</sup> ‘Abd al-Mun’im Muhammad Hussin, *al-Wasatiyyah al-Islamiyyah ka Manhaj Fikr wa Hayah*, (Oman: Dar al-Nasyiri, 2012), 6-7.

<sup>197</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitannya*, dalam Kernial Singh Sandhu & Paul Wheatley (eds.), *Melaka : The Transformation of a Malay Capital C. 1400-1980*. (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983), 122-123.

bersama orang Islam. Begitu juga sebaliknya.<sup>198</sup>

b. Saling berdialog untuk meningkatkan persepehaman antara agama

Hubungan sosial juga mesti berdasarkan hubungan dialog. Orang Islam dan wajar sentiasa berdialog dan berinteraksi dengan pengamal agama serta budaya kaum lain dengan baik. *Al-Tahawur* dapat mengelakkan cemuhan budaya serta agama lain (*cultural and religious ridicule*) dan saling berprasangka buruk antara orang Islam dengan bukan Islam. Firman Allah Swt. dalam surah Ali-'Imran [3] ayat 64:

*Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu juga pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) barpaling (enggan menerima) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam"*

Masyarakat Malaysia yang pelbagai bangsa, pelbagai bahasa dan pelbagai

<sup>198</sup> Ismail Ibrahim, *Pendekatan Islam ke Arah Penyelesaian Masyarakat Majmuk*, (Kertas kerja seminar Kebangsaan Mengenai Perpaduan Nasional, anjuran Universiti Utara Malaysia, Jitra, 1987), 12.

agama masih berada dalam keadaan aman damai walau di sana timbul konflik kecil antara agama dan kaum.<sup>199</sup>

Mekanisme dialog peradaban atau inter-agama boleh dipraktiskan untuk meminimalkan risiko konflik serta mengelakkan dari timbulnya isu sensitif dalam masyarakat.<sup>200</sup>

Dengan dialog ini, sikap saling hormat menghormati akan menjadi pegangan agama masing-masing untuk mencapai keharmonian antara kaum. Sikap ini penting untuk menghindari sebarang konflik sepertimana peristiwa 13 Mei 1969 yang merosakkan harta benda malah mengorbankan jiwa<sup>201</sup>. Dalam masa yang sama, program pembangunan negara dapat berlangsung dalam suasana yang kondusif.

c. Saling bertoleransi untuk mencetuskan suasana kehidupan yang harmoni

Sikap *al-tasamuh* (toleransi) antara penganut agama perlu diterapkan untuk mengelakkan sebarang konflik dalam masyarakat. Toleransi dalam pergaulan dengan golongan bukan Islam bukanlah toleransi dalam atas keagamaan, melainkan dalam pergaulan hidup dalam masalah-masalah kemasyarakatan atau kepentingan umum. Tidak ada sesuatu

<sup>199</sup> Mohd. Anuar Ramli & Aizat Jamaluddin, *Interaction In Plural Society: Diatribe or Dialogue*, dalam *World Journal of Islamic History and Civilization*, v. 2, no. 1, 2012,54.

<sup>200</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., *Dialog Antara Agama dan Prospek di Malaysia*, dalam *Kajian Malaysia*, v. 29, no. 2, 2011, 96.

<sup>201</sup> Kua Kia Song, *May 13 Declassifies Documents on the Malaysian Riots 69*, (Petaling Jaya: SUARAM, 2007), 44.

yang boleh menghalang hubungan baik ini kecuali sikap permusuhan orang bukan Islam sendiri. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah (60), ayat 8-9:

*“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. (8) Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.” (9)*

Sikap ini selaras dengan keteladanan Nabi Muhammad Saw. Toleransi dan moderasi yang Baginda ajarkan harus sentiasa menjadi acuan dan pedoman dalam interaksi dengan penganut agama lain.<sup>202</sup> Sirah Nabi Muhammad Saw mencatatkan bagaimana Baginda bersikap toleransi apabila berinteraksi dengan golongan bukan Islam.<sup>203</sup>

<sup>202</sup> Alwi Shihab, *Islam Inklusif: Menuju Sikap Terbuka dalam Beragama*, (Bandung: Mizan, cetakan keempat, 1998), 337.

<sup>203</sup> Syed Othman Alhabshi & Faisal Hj. Othman, *Principles of Tolerance in Islam and the Historical Practices* dalam Syed Othman Alhabshi & Nik Mustapha Nik Hassan (eds.),

Contohnya, dalam perjanjian Hudaybiyah,<sup>204</sup> Baginda Saw bertolak ansur dengan karena golongan kafir, tetapi Baginda bersikap tegas apabila perjanjian tersebut dilanggar oleh orang bukan Islam. Pendekatan toleransi Baginda diikuti oleh para *Khulafa’ al-Rasyidin* selepasnya. Pengawalan diri, harta benda, agama dan rumah ibadat rakyat bukan Islam dijamin sepenuhnya.<sup>205</sup>

d. Berlaku adil bagi menghindari kezaliman terhadap agama lain

Dalam konteks Malaysia, pendekatan toleransi ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek sama ada dari aspek perekonomian ataupun pendidikan. Setiap kaum bertolak ansur dan menerima kehadiran antara satu sama lain serta terlibat secara aktif dalam membangunkan ekonomi negara. Orang bukan Islam turut mendapat peluang pendidikan yang sama dengan orang Islam.

Orang Islam perlu berlaku adil dengan orang bukan Islam dan mengelak

---

*Islam and Tolerance*, (Kuala Lumpur : Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), cetakan kedua, 1996), 57.

<sup>204</sup> Abd al-Malik b. Hisyam al-Humayri, *al-Sirah al-Nabawiyyah*, (Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi, juz. 3, 1997), h.346; Safi al-Rahman al-Mubarakfuri, *al-Rahiq al-Makhtum: Bahth fi al-Sirah al-Nabawiyyah ‘ala Sahibiha afdal al-Salah*, (Riyadh : Dar al-Salam, 1418), h. 324; Abu al-Hassan ‘Ali al-Nadwi, *Al-Sirah al-Nabawiyyah*, (Damsyik: Dar al-Qalam, 2001), 275.

<sup>205</sup> Mat Saad Abdul Rahman, *Kedudukan Bukan Islam di dalam Sejarah Pemerintahan Islam*, dalam Abdul Monir Yaacob (ed), *Prinsip-prinsip Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk*, (Kuala Lumpur: IKIM, 1999), 91.

daripada berlaku zalim terhadap mereka. Ia selaras dengan semangat ajaran Alquran dalam berhubungan dengan golongan bukan Islam, di antaranya keadilan yang menyeluruh dalam semua keadaan.<sup>206</sup> Ini karena Islam, agama yang mengutamakan keadilan. Firman Allah SWT surah al-Ma'idah (5) ayat 8:

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

Dalam konteks Malaysia, pendekatan keadilan ini dapat dilihat dalam berbagai aspek. Setiap kaum mendapat hak yang sama, mempunyai ruang untuk berperestasi dan mendapat kebebasan berpartisipasi dalam ekonomi dan politik negara.

- e. Tiada paksaan dan pemaksaan untuk mengikut ajaran Islam atau memberikan kebebasan beragama

<sup>206</sup> Chandra Muzaffar, *Keadilan Sosial di Malaysia: Satu Penilaian*, dalam Azizan Bahari &Chandra Muzaffar (eds.),*Keadilan Sosial*, (Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar (IKD), 1996), 176.

Hubungan ini juga wajar berlangsung tanpa unsur pemaksaan, yaitu untuk mereka memilih sama ada beriman atau tidak beriman dengan agama Islam.<sup>207</sup> Prinsip kebebasan beragama ini berlandaskan tiada paksaan dalam agama dan persetujuan untuk berbeda dalam agama perlu dihormati bersama.<sup>208</sup> Pendekatan tanpa paksaan ini adalah untuk mengelak daripada berlakunya kekerasan dan konflik antara agama. Ia selari dengan firman Allah Swt. dalam al-Baqarah (2) ayat 256:

*“Tiada paksaan dalam agama”*

Dan persetujuan untuk berbeza adalah berdasarkan firman Allah Swt. dalam surah al-Kafirun 109: 3-6:

*“Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang Aku sembah. (3). Dan Aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. (4) Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara Aku beribadat.(5)Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.” (6)*

Dalam konteks Malaysia, golongan bukan Islam mendapat hak yang sama dan jaminan disisi undang-undang

<sup>207</sup> Ismail al-Faraqi,*Islam dan Kepercayaan Lain*, (terj.) Zulkiple Abd. Ghani, (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara, 2009), 304.

<sup>208</sup> Abdul Aziz Bari, *Kebebasan Beragama dari Perspektif Islam*, dalam *Isu-isu Kebebasan Beragama & Penguatkuasaan Undang-undang*, Mohd. Hisham Kamal & Shamrahayu A. Aziz (edit), Gombak, Jabatan Undang-Undang UIAM,2009),4.

perlembagaan Malaysia.<sup>209</sup> Mereka bebas untuk mengamalkan agama dan budaya mereka tanpa sebarang pemaksaan.<sup>210</sup> Tiap kaum tidak perlu melupuskan atau melepaskan *identity* budaya dan agama masing-masing sebagai indikator perpaduan. Ini karena syariat Islam memberikan kebebasan kepada umat manusia dalam beragama dan tiap agama perlu saling menghormati agama lain tanpa sebarang cacian, celaan dan dendam. Pendekatan ini adalah bagi mengelak konflik antara agama.<sup>211</sup>

f. Membina *identity* yang eksklusif sebagai benteng untuk menghindari penyerupaan yang dilarang oleh Syarak

Sikap berpenampilan berbeda merupakan *identity* orang Islam. Maksudnya cara kehidupan dan kebiasaan itu boleh menjadikan setiap individu anggota masyarakat Islam sebagai *syakhsiah* (kepribadian) yang memiliki *identity* tersendiri. Dalam hal ini, orang Islam perlu jelas pendiriannya dan boleh mempertahankan diri untuk tidak melarut oleh nilai-nilai dari luar sehingga hilang keperibadiannya. Mereka dilarang untuk menyerupai (*al-*

*tasyabbuh*) orang bukan Islam sama ada dalam aspek keagamaan mahupun adat tradisi.<sup>212</sup> Ini berdasarkan larangan Allah Swt. dalam surah *al-Ma'idah* (5): 51:

*“Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim.”*

Nabi Saw dengan tegas memerintahkan orang Islam untuk tampil berbedadengan penampilan orang-orang Yahudi dan Nasrani dalam semua perkara.<sup>213</sup> Antaranya sabda Rasulullah Saw<sup>214</sup>:

خالفو المشركين، أحفوا الشوارب وأوفوا  
اللحى

*Berbezalah dari orang musyrik, potonglah misai dan simpanlah janggut*

<sup>209</sup> Melainkan beberapa unsur keistimewaan yang dikhususkan kepada orang Melayu, yaitu Hak Istimewa Melayu.

<sup>210</sup> Perkara 11, Perlembagaan Malaysia. Kebebasan Ugama, lihat Lembaga Penyelidikan Undang-undang, *Perlembagaan Persekutuan*, (hingga 1 Juni 2001), (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2001)

<sup>211</sup> Taha Jabir al-'Alwani, *La Ikraha Fi al-Din, Isykaliyyah al-Riddah wa Murtadin Min Sadr al-Islam ila al-Yaum*, (Kaherah: Maktabah al-Syuruq, 2006), 7.

<sup>212</sup> Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj. Ismail, Aham Badri Abdullah, Mohammad Aizat Jamaludin, *Fenomena al-Tasyabbuh (Penyerupaan)* , dalam sambutan Perayaan Masyarakat Majmuk di Malaysia, *Jurnal Syariah*, (Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,21 (1), 2013), 21- 42.

<sup>213</sup> Yusuf al-Qardhawi, *Bayyinah al-Hall al-Islami wa Syubhat al 'Ilmaniyyin wa al-Mutagharrabin*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, c. 2, 1993), 103.

<sup>214</sup> *Shahih al-Bukhari*, Kitab al-Libas, Bab Taqlim al-Azfar, no. Hadis 55553, j.5, 2209.

Rasulullah Saw secara mutlak memerintahkan untuk berbeda dengan orang-orang musyrik, kemudian menambah, “potonglah misai dan biarkan janggut.” Kalimah ini menjadi pengganti dari kalimah pertama yaitu “berbedalah dengan orang-orang musyrik”, dan penggantian itu boleh dilakukan dalam bentuk kalimah, dan boleh juga dalam bentuk kata-kata.<sup>215</sup>

Terdapat hadis Nabi SAW yang tegas melarang umat Islam daripada menyerupai kaum lain. Sabda Nabi SAW:<sup>216</sup>

مَنْ شَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

“Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, dia sebahagian daripada mereka”.

Berdasarkan hadis di atas, Nabi Saw melarang dengan tegas mana-mana Muslimin yang meniru amalan dan cara hidup orang bukan Islam. Ia menunjukkan sesiapa yang menyerupai atau meniru orang fasik atau orang bukan Islam atau orang yang berbuat bidah dalam perkara yang dikhususkan oleh mereka atau selainnya maka dia akan menjadi sebahagian daripada mereka.<sup>217</sup> Larangan ini adalah untuk mengelakkan masyarakat Islam terjebak dalam sikap mengambil ringan golongan

liberal yang mana ia boleh menjerumuskan kepada pluralisme agama (samarata agama) dan menjajaskan akidah orang Islam.<sup>218</sup> Sedangkan Islam adalah agama yang eksklusif dan mempunyai garis panduan yang lengkap. Selaras dengan itu, orang Islam di Malaysia wajar mempunyai *identity* serta jati diri yang membedakan mereka dengan orang bukan Islam dan perlu menjauhkan diri daripada menyerupai orang bukan Islam dalam urusan keagamaan dan amalan adat tradisi mereka. Walau bagaimanapun, asas hubungan ini tidak melarang orang Islam untuk berinteraksi baik dengan orang bukan Islam.

Justeru itu, asas hubungan sosial yang ingin dibina perlu berpaksikan pendekatan *wasatiyyah*, yaitu tidak terlalu ekstrem hingga menafikan hak-hak orang bukan Islam dan tidak terlalu liberal hingga melenyapkan garis pemisah antara orang Islam dan bukan Islam. Sehubungan dengan itu, pendekatan tersebut perlu diambil kira dalam hubungan diantara orang Islam dengan bukan Islam di Malaysia bagi membina satu persefahaman (*al-tafahum*) dalam masyarakat yang beragam cara hidup, budaya dan agama. Berasaskan persefahaman yang dicapai akan terbentuk masyarakat Malaysia yang aman lagi harmoni dan kemajuan negara yang dirancang dapat dicapai dengan jayanya.

## C. KESIMPULAN

Kemajuan negara akan menjadi sia-sia sekiranya hubungan sosial antara masyarakat Islam dan bukan Islam sentiasa dalam keadaan konflik. Ia akan memberi

<sup>215</sup> Al-Tuwaijiri, *al-Bida' al-Hauliyah*, Munirul Abidin (terj), (Jakarta: Darul Falah, 2000), 453.

<sup>216</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari bi Syarhi Sahih al-Bukhari*, (Kaherah: Matba'ah al-Salafiyyah, j. 6, 1996), 98.

<sup>217</sup> 'Abd. Allah al-Sa'di al-Ghamidi, *Tahzir al-Muslimin min al-Tasyabbuh bil Maghdu bi 'alaikim wa la al-Dallin*, (al-Kitabiyat al-Islamiah, t.t), 24.

<sup>218</sup> *Mencari Modus Vivendi Antar Umat Beragama di Indonesia*, (Jakarta: Media Da'wah, c.2, 2007), 231-232.

kesan terhadap agenda pembangunan negara yang mana akan jadi terkendala. Namun begitu, dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam, umat Islam perlu mengamalkan pendekatan *wasatiyyah*. Ini disebabkan pendekatan yang keras akan menimbulkan pergaduhan, perselisihan paham dan konflik antara agama, sedangkan pendekatan yang terlalu lembut boleh menimbulkan keserupaan, lahirnya pluralisme agama dan leburnya identiti umat Islam. Asas “*ta`aruf*” (saling mengenali) tidak bermakna kita perlu melahirkan satu bentuk masyarakat yang homogen atau serupa, sebaliknya tiapnya wajar kekal mengamalkan amalan masing-masing dalam batasan yang dibenarkan dengan harmoni tanpa mengganggu amalan kaum dan agama lain.

Justeru berasaskan pendekatan *wasatiyyah*, terdapat panduan yang jelas berkaitan dengan hubungan sosial orang Islam dengan bukan Islam, yaitu tanpa cenderung terlalu keras dan *literalis* atau terlalu lembut dan *pluralis*. Ini bermakna wujud batasan dalam hubungan sosial dengan orang bukan Islam berdasarkan petunjuk Alquran maupun teladan Sunnah Baginda Saw. Walaupun begitu, bentuk hubungan ini mungkin berbeda dalam konteks masyarakat Muslim di Malaysia yang majemuk dengan masyarakat Islam di kawasan lain. Pendekatan ini bersesuaian dengan syariat Islam yang komprehensif, sentiasa adaptif dan relevan dalam menangani perubahan serta perbedaan sosio-budaya masyarakat.

## DAFTAR PUSTAKA

- Al-'Alwani,Taha Jabir.*La Ikraha Fi al-Din, Isykaliyyah al-Riddah wa Murtadin Min Sadr al-Islam ila al-Yaum.* Kaherah: Maktabah al-Syuruq, 2006.
- Al-Asqalani,Ibn Hajar.*Fath al-Bari bi Syarhi Sahih al-Bukhari.*Kaherah: Matba'ah al-Salafiyyah, j. 6, 1996.
- Al-Faraqi,Ismail.*Islam dan Kepercayaan Lain,* (terj.) Zulkiple Abd. Ghani. Kuala Lumpur:Institut Terjemahan Negara, 2009.
- Al-Ghamidi, 'Abd. Allah al-Sa'di.*Tahzir al-Muslimin min al-Tasyabuh bil Maghdu bi 'alaihim wa la al-Dallin.* al-Kitabiyat al-Islamiah, t.t.
- Alhabshi, Syed Othman&Nik Mustapha Nik Hassan (eds.). *Islam and Tolerance.* Kuala Lumpur : Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), cetakan kedua, 1996.
- Al-Humayri,'Abd al-Malik b. Hisyam.*al-Sirah al-Nabawiyyah.*Beirut : Dar Ihya' al-Turathal-'Arabi, juz. 3, 1997
- Al-Jawziyyah,Ibn al-Qayyim *Ahkam Ahl al-Dhimmah,* Abi Bara' Yusuf & Abi Ahmad Syakir,Riyadh: Ramadi li al-Nasyr, j.2, 1991.
- Al-Mubarakfuri,Safi al-Rahman. *al-Rahiq al-Makhtum: Bahth fi al-Sirah al-Nabawiyyah 'ala Sahibiha afdal al-Solah.*Riyadh : Dar al-Salam, 1418.
- Al-Nadwi,Abu al-Hassan 'Ali.*Al-Sirah al-Nabawiyyah.* Damsyik: Dar al-Qalam, 2001.
- Al-Tuwajiri.*al-Bida' al-Hauliyah.*Munirul Abidin (terj). Jakarta: Darul Falah, 2000.
- Al- Qardhawi,Yusuf.*Bayyinah al-Hall al-Islami wa Syubhat al 'Ilmaniyyin wa al-Mutagharrabin.* Kaherah: Maktabah Wahbah, c. 2, 1993.
- \_\_\_\_\_.*Al-Ummah al-Islamiyyah: Haqiqah La Wahm.* Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.
- \_\_\_\_\_.*Dirasah fi Fiqh al- Maqasid al-Syari'ah.* Kaherah: Dar al-Syuruq, 2006.
- Amrullah, H. Abdul Malik Abdul Karim. *Tafsir al-Azhar.*Singapura: Pustaka Nasional, juz.10, 1984.
- Al-Zuhayli,Wahbah.*Athar al-Harb Fi al-Fiqh al-Islami.* Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- Azra,Azyumardi.*Renaisans Islam Asia Tenggara.* Bandung : PT Remaja Rosdakarya, 1999.
- Bahari, Azizan &Chandra Muzaffar (eds.). *Keadilan Sosial.* Kuala Lumpur : Institut KajianDasar (IKD), 1996.
- Baharuddin,Shamsul Amri.*Hubungan Etnik di Malaysia: Mencari dan Mengelakkan Kejernihan Dalam Kekeruhan.* Siri Kertas Kajian Etnik, Institut Kajian Etnik (KITA),2008.
- Bari,Abdul Aziz.*Kebebasan Beragama dari Perspektif Islam,dalam Isu-isu Kebebasan Beragama & Pengaruhnya Undang-undang.* Mohd. Hisham Kamal & Shamrahayu A. Aziz (edit), Gombak, JabatanUndang-Undang UIAM,2009.
- Barton,Greg.*The Emergence of Neo-Modernism: A Progressive, Liberal Movement of Islamic Thought in Indonesia.* Tesis Ph.D., Melbourne Australia: Monash University, 1995.
- Chang,Byung.*Islamic Fundamentalism, Jihad & Terrorism,* dalam *Journal of Internal Development Co-operation.* Korea: Hankuk University v.11, no.1, 2005.
- Freedman,Maurice.*Pacific Affairs.*Canada, vol. 33,1960.
- Furnivall, John Sydenham.*Netherlands India: A Study of Plural Economy.* Cambridge: Cambridge University Press, 1967.

- Gan,Lee Hock. *Social and Cultural Issues*. Singapura: Institute of Southeast Asean Studies, no.1, 2000.
- Hiscman,Charles.*Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia*. USA: American Sociology Association, 1975.
- Hover,Jon.*The Conrad Grebel Review*. Waterloo: Conrad Grebel College University, 2009.
- Hussin,'Abd al-Mun'im Muhammad.*al-Wasatiyyah al-Islamiyyah ka Manhaj Fikr wa Hayah*. Oman: Dar al-Nasyiri, 2012.
- Huwaidi,Fahmi.*al-Muwatinun la Dhimiyyun: Mawqi' Ghayr al-Muslimin fi Mujtama' Muslimin*. Kaherah: Dar al-Syuruq, 1410H/1990M.
- Ibrahim, Ismail. *Pendekatan Islam ke Arah Penyelesaian Masyarakat Majmuk*. Kertas Kerjaseminar Kebangsaan Mengenai Perpaduan Nasional, anjuran Universiti Utara Malaysia, Jitra, 1987.
- Karkra,B.K. *The Origin of Religions: An Opened Eyed Journey Through a Mystic World*. Bloomington: Author house, 2012.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang, *Perlembagaan Persekutuan*, (hingga 1 Juni 2001), Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2001.
- Lumbard,E.B. *Islam, Fundamentalism, and The Betrayal of Tradition (Revised & Expanded)*, USA: World Wisdom Inc.
- Madjid, Nurcholish,*et al*. *FIQIH Lintas Agama: Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*, Jakarta: Paramadina, 2004.
- Muhammad, Rusjdi Ali.*Hak Asasi Manusia Dalam Perspektif Syariat Islam*. Banda Aceh: ar-Raniry Press, 2004.
- Muslim, Nazri & Hidayat Buang.*Jurnal Kemanusiaan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, bil. 20, 2000.Malaysia, Jitra, 1987
- Mutalib, Hussin.*Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Singapura: Singapore University Press, 1993.
- Nagata, Judith A. (edit).*Contribution to Asian Studies, Myth and Reality: a Symposium on Singapore and Malaysia*. Leiden : E.J. Brill, v. iii, 1978.
- Rabushka, Alvin. *Race and Politics in Urban Malaya*. California: Hoover Institution Press, 1973.
- Rahim, Rahimin Affandi Abdul,*et al*.*Kajian Malaysia*, v. 29, no. 2, 2011.
- Rahman, Mat Saad Abdul Abdul.*Kedudukan Bukan Islam di dalam Sejarah Pemerintahan Islam*, dalam Abdul Monir Yaacob (ed), *Prinsip-prinsip Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: IKIM, 1999.
- Ramli, Mohd Anuar, Paizah Hj. Ismail, Ahmad Badri Abdullah, Mohammad Aizat Jamaludin, *Fenomena al-Tasyabbuh (Penyerupaan)* , dalam sambutan Perayaan Masyarakat Majmuk di Malaysia, *Jurnal Syariah*, (Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,21 (1), 2013.
- Ramli,Mohd Anuar.*Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan Malaysia*. Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh& Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.
- Ramli, Mohd. Anuar& Aizat Jamaluddin.*World Journal of Islamic History and Civilization*,v. 2, no. 1, 2012.
- Rao, Digumarti Bhaskara (ed.).*Human Rights and The United Nations*..New Delhi: Discovery Publishing House, 2001.
- Sandhu, Kernial Singh & Paul Wheatley (eds.), *Melaka : The Transformation of a Malay Capital C. 1400-1980*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983.

*Shahih al-Bukhari*, Kitab al-Libas, Bab Taqlim al-Azfar, no. Hadis 55553, j.5, h.2209.  
Shihab, Alwi. *Islam Inklusif: Menuju Sikap Terbuka dalam Beragama*. Bandung: Mizan,  
cetakan keempat, 1998.

Song, Kua Kia. *May 13 Declassifies Documents on the Malaysian Riots* 69. Petaling Jaya:  
SUARAM, 2007.

Tamara, M. Nasir & Elza Taher, *Agama dan Dialog Antar Peradaban*, Jakarta:  
Paramadina, 1996

Yousif, Ahmad F. *Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry into the  
Malaysian Experience*. Batu Caves: Thinker's Library, 1998.

Zaydan, 'Abd al-Karim. *Ahkam al-Dhimiyyun wa al-Musta'man fi Dar al-Islam*. Beirut:  
Mu'assasah al-Risalah, 1982), h. 22.

....., *Mencari Modus Vivendi Antar Umat Beragama di Indonesia*, (Jakarta: Media  
Da'wah, c.2, 2007).

#### **Sumber Internet**

[http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated-2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=bm/](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated-2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=bm/), diakses pada tanggal 16 Juli 2013.